

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR B. WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]**

**TARIKH : 17.3.2016**

**SOALAN :**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah benar Kementerian telah menjadikan Program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) kepada para guru sebagai latihan yang bersifat pilihan dan bukannya bersifat wajib. Jika benar, nyatakan rasionalnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) kepada para guru adalah bersesuaian dengan aktiviti Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) mengikut Inisiatif Kendiri dan Inisiatif KPM. Inisiatif Kendiri merujuk kepada sebarang inisiatif atau aktiviti yang dilakukan sendiri oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dalam usaha mereka untuk meningkatkan tahap profesionalisme masing-masing. Manakala Inisiatif KPM merujuk kepada aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan berasaskan Analisa Keperluan Latihan (TNA) serta keperluan dasar

atau keperluan khusus oleh Ketua Jabatan peringkat KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Pada tahun 2015, seramai 272,586 orang guru telah mengikuti pelbagai program peningkatan profesionalisme. Sementara pada tahun 2016, seramai 153,693 orang guru disasarkan untuk diberi latihan melalui 34 program yang dirancang.

RJM30